

Newspaper	THE SUN
Date	05 MAY 2017

MVV sejahterakan lagi rakyat

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

sofian.baharom@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 4 MEI

DATUK Seri Najib Tun Razak berharap pembangunan metropolis bertaraf dunia, Malaysia Vision Valley (MVV) bakal lebih memakmurkan negara dan menyejahterakan rakyat.

Perdana Menteri berkata, pembangunan kawasan seluas 153,000 hektar di Negeri Sembilan merangkumi daerah Seremban dan Port Dickson itu dijangka mampu menarik pelaburan lebih RM290 bilion.

Selain itu, beliau berkata, kawasan yang akan dibangunkan secara berfasa sehingga 2045 itu dijangka mewujudkan 1.38 juta peluang pekerjaan.

“MVV merupakan pembangunan yang terancang, lestari dan inklusif. Ia memastikan semua lapisan masyarakat menikmati faedah pembangunan ini. Walaupun aspirasi pembangunan MVV bertaraf metropolis dan moden, keperluan rakyat dari semua peringkat akan diambil kira.

“Antara yang menjadi tumpuan adalah penyediaan perumahan mampu milik bagi rakyat dengan kemudahan perbandaran terancang serta tersusun. Ia jaminan untuk tinggal, bekerja dan rekreasi atau ‘live, work and play,’” katanya.

Najib berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian untuk pembangunan MVV melibatkan Sime Darby Property Berhad, Brunzfield Development Sdn. Bhd. dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan yang dilaksanakan beliau.

Yang turut hadir, Menteri Besar Negeri Sembilan selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pemandu MVV, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Menerusi perjanjian tersebut,



NAJIB TUN RAZAK bersama Jawatankuasa Pemandu Vision Valley (MVV) di Bangunan Putra Perdana, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Mohamad Hasan, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan. - BERNAMA



MVV merupakan pembangunan yang terancang, lestari dan inklusif. Ia memastikan semua lapisan masyarakat menikmati faedah pembangunan ini.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

ketiga-tiga pihak terlibat akan meneroka peluang pembangunan fasa pertama pembangunan yang merupakan sebahagian daripada 11,000 hektar tanah yang dirancang untuk pembangunan.

Sementara itu, Najib berkata, MVV yang menjadi sebahagian daripada Greater Kuala Lumpur di

bawah Zon Potensi Pembangunan dalam Rancangan Fizikal Negara itu dibahagikan kepada lima kluster strategik iaitu Central Business District, Nature City, Edu-Tech Valley, Tourism and Wellness dan New Liveable Township.

Katanya, pembangunan MVV adalah melalui usahasama pintar antara pihak awam dan swasta di samping akan memberi fokus kepada empat pemacu pembangunan utama iaitu berteraskan pengeluaran berteknologi tinggi, pelancongan dan kesihatan, pendidikan berteraskan kemahiran dan penyelidikan serta perkhidmatan-perkhidmatan khusus.

Menurut Najib yang juga Menteri Kewangan, pembangunan MVV dalam tempoh kira-kira 30 tahun itu akan melibatkan lapan projek utama yang dikenali ‘heartbeat projects’ seperti High Tech Park and Industrial Campus,

Integrated Transport District, Sports and Recreational City, World Knowledge City, Biopolis and Wellness City dan Tourism District.

“Insyallah, MVV akan menyediakan perumahan mampu milik dengan anggaran kawasan terlibat lebih dari 1,000 ekar (104 hektar) bagi maksud ini. Selain itu, MVV juga akan menyediakan kawasan bagi kemudahan awam dan rekreasi dengan kawasan hijau melebihi 1,000 ekar.

“MVV juga akan mempunyai hab pengangkutan bersepadu yang berteraskan perkhidmatan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) di Labu, Negeri Sembilan yang akan menghubungkan MVV dengan KLIA, Bandar Malaysia dan Singapura. Hab ini akan mempunyai rangkaian kemudahan pengangkutan awam yang komprehensif serta mesra pengguna,” katanya.

Jelas beliau, pembangunan MVV diterajui oleh pihak swasta dan disokong Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sembilan.

Kerajaan Persekutuan pada asasnya, tambah beliau, telah bersetuju meluluskan peruntukan bagi pembinaan beberapa projek infrastruktur awam utama khususnya di kawasan MVV dalam tem[oh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

“Dalam ‘rolling plan’ pertama RMK-11, sejumlah RM560 juta telah diluluskan bagi pembangunan sistem perhubungan jalan raya di kawasan MVV.

“Beberapa projek lain sedang dalam pertimbangan seperti rangkaian lebuh raya serta jaringan bersepadu perkhidmatan rel bagi menghubungkan ke kawasan sekitar serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA),” katanya.

Um - 5/5/2017